



**Merdeka
Ventures**

SIARAN AKHBAR

MENARA MERDEKA 118 CAPAI TINGKAT 118, KINI BANGUNAN TERTINGGI DI MALAYSIA

Kuala Lumpur, 8 Jun 2021: PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (“PMVSB”), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”), telah melakar satu pencapaian utama dalam pembinaan projek menara Merdeka 118. Pembinaan lantai terakhir iaitu bumbung kepada tingkat 118 menandakan penyempurnaan menara ini, sekaligus menjadikan Merdeka 118 sebagai menara tertinggi di Malaysia. Apabila siap dibina pada tahun 2022, menara ini akan mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 644 meter dan bakal dinobatkan sebagai bangunan tertinggi di Asia Tenggara.

Merdeka 118 merangkumi 3 juta kaki persegi ruang luas lantai dan terdiri daripada 1.66 juta kaki persegi luas sewaan bersih ruang pejabat Gred-A serta kira-kira 1 juta kaki persegi ruang niaga. Beberapa ciri yang mengagumkan telah dibangunkan di menara ini termasuklah dek pemerhatian ‘The View at 118’, yang akan menjadi dek tertinggi di Asia Tenggara, serta satu-satunya Hotel Park Hyatt di Malaysia yang terletak di 17 tingkat teratas menara. Dihubungkan secara terus dari menara adalah ‘118 Mall’, sebuah pusat beli-belah dengan pelbagai peluang perniagaan menarik yang dikelilingi kehijauan serta taman terbuka 'Merdeka Boulevard at 118' seluas 4 ekar untuk dinikmati orang ramai, di samping tiga menara kediaman eksklusif.

Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, "Kami gembira untuk mengumumkan bahawa menara Merdeka 118 telah berjaya menyempurnakan pemasangan lantai terakhir di tingkat 118. Peristiwa yang bermakna dalam pembinaan Merdeka 118 ini menambahkan lagi seri latar langit Kuala Lumpur yang sedia ada. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada

semua pihak yang terlibat di dalam projek ini, terutama sekali bagi mereka yang telah bekerja keras ke arah pencapaian bersejarah ini."

"Kini, Merdeka 118 telah pun 81% siap dibina, dan pemasangan fasad kaca berada di tingkat 108. Walaupun terdapat penangguhan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lepas, kami berpuas hati kerana pembangunan Merdeka 118 berjaya disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.





Presint Merdeka 118 juga akan menampilkan sebuah muzium tekstil yang mengetengahkan tesktil dunia Melayu, sebuah pusat jagaan kanak-kanak berumur 7 tahun dan ke bawah, serta Masjid Merdeka yang merupakan sebuah masjid baharu dengan kapasiti ruang yang mampu memuatkan seramai 3,000 orang jemaah.

Pembangunan Merdeka 118 terletak di kawasan bersejarah pusat bandaraya Kuala Lumpur dan berdiri teguh di samping dua warisan negara – Stadium Merdeka dan Stadium Negara – yang mencerminkan penyatuan luar biasa antara seni bina bersejarah dan kontemporari di presint ini. Sebagai pemilik bagi dua stadium ini, PNB telah melaksanakan penyelenggaraan dan penjagaan yang teliti untuk mengekalkan dan memulihara warisan sejarah negara yang menjadi lambang keharmonian dan kekayaan sejarah, evolusi dan masa hadapan Malaysia.

-Tamat-

Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad telah diperbadankan pada bulan Jun 2000 serta merupakan pemilik tanah dan penjaga tunggal kedua-dua Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak dari itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan plan pemuliharaan yang teliti sehingga Stadium Merdeka meraih Anugerah Kecemerlangan UNESCO untuk Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pasifik) pada 2008. www.merdeka118.com

 @merdeka118  @merdeka_118  @precinct_118  Merdeka118

Mengenai Permodalan Nasional Berhad ("PNB")

Permodalan Nasional Berhad ("PNB") adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB

merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Sebarang pertanyaan mengenai media, sila hubungi:

1. *Liza Karim, Ketua Komunikasi, Jabatan Komunikasi, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad* | lizakarim@pnb.com.my
2. *Natalia Ghani, acorn communications* | natalia@acornco.com.my | 012-231 4782